

KEKELIRUAN ANTARA JENAYAH ZINA DAN ROGOL STATUTORI DI MALAYSIA: KEPERLUAN KEPADA PENJELASAN

The Confusion between Crimes of Zina and Statutory Rape in Malaysia: The Needs for Clarification

Nur Aina Abdulah^{1a*} & Nur Al-Farhain Kamaruzaman

^aFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

Emel: nuraina.abdulah@usim.edu.my

*Corresponding Author: nuraina.abdulah@usim.edu.my

Received: 5 August 2022

Accepted: 25 August 2022

Published: 15 September 2022

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.472>

Abstrak	Abstract
<p>Zina adalah jenayah berat di dalam Islam, begitu juga dengan rogol. Kedua-duanya adalah persetubuhan haram di luar perkahwinan, tetapi dibezakan oleh cara ia dilakukan. Permasalahannya adalah kekeliruan yang terjadi berikutan undang-undang rogol statutori di Malaysia yang mendefinisikan rogol sebagai persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki bersama seorang perempuan yang berumur di bawah 16 tahun sama ada dengan kerelaannya atau tidak. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis isu-isu yang melibatkan kekeliruan antara jenayah zina dan undang-undang rogol statutori di Malaysia. Metodologi kajian kualitatif digunakan dengan reka bentuk analisis kandungan. Hasil kajian mendapati terdapat tiga perkara yang menjadi kekeliruan; iaitu elemen kerelaan, umur perempuan dan hukuman yang dikenakan.</p> <p>Kata kunci: jenayah, rogol, rogol statutori, zina,</p>	<p>Zina is a serious crime in Islam, as is rape. Both are illegal intercourse outside of marriage, but are distinguished by the manner in which it is done. The problem is the confusion that occurs due to the statutory rape law in Malaysia which defines rape as intercourse by a man with a woman under 16 years of age, whether with her consent or not. Therefore, this study aims to analyze the issues that involve the confusion between the crime of adultery and the statutory rape law in Malaysia. Qualitative research methodology was used with a content analysis design. The results of the study found that there are three things that are confusing; which is the element of voluntariness, the age of the woman and the punishment imposed.</p> <p>Keywords: criminal, rape, statutory rape, zina</p>

1. PENDAHULUAN

Zina adalah jenayah berat di sisi undang-undang Islam yang mana ia termasuk dalam kategori hudud. Zina didefinisikan oleh Al-Sarkhasi (1993) dan Ibn `Abidin (1992), dari mazhab Hanafi sebagai persetubuhan haram dengan perempuan hidup melalui vagina yang dilakukan dalam negara Islam, yang mana perempuan itu secara jelas bukanlah daripada isterinya yang sah. Definisi ini dilengkapi lagi oleh Al-Zaila'i (1990) yang juga merupakan ulama' mazhab Hanafi dengan menambahkan elemen kerelaan dan tanpa paksaan dalam definisi zina, iaitu, 'persetubuhan haram dengan perempuan hidup (bukan mayat), yang bukan dibawah pemilikannya (hamba), atau isterinya, secara sukarela dan tanpa paksaan, yang mana ia berlaku dalam negara Islam'. Sementara itu, ulama' dari mazhab Maliki (Ibn Rushd, 2000), Syafi'e (Al-Shirazi, 1996) dan Hanbali (Al-Bahuti, 2000, Ibn Qudamah, 2009) meluaskan skop zina dengan memberikan definisi zina sebagai, 'persetubuhan haram sama ada melalui vagina ataupun dubur oleh seorang yang lelaki dewasa yang siuman dengan perempuan yang bukan isterinya'.

Manakala, rogol diistilahkan oleh sebahagian ulama', contohnya Ibn `Abidin (1992) dari mazhab Hanafi dan Al-Sharbini (2005) dari mazhab Syafi'e sebagai '*al-zinā bi al-ikrāh*' yang bermaksud zina dengan paksaan. Manakala, sebahagian ulama' lain pula, seperti Imam Malik (1994), dan Imam Al-Syafi'e (2002), menggunakan istilah '*ighṭiṣāb*' yang secara langsungnya membawa maksud rogol. Secara umumnya, kebanyakan ulama' terdahulu membincangkan isu rogol di bawah topik perbincangan jenayah zina kerana ia mempunyai perkaitan yang rapat, iaitu persetubuhan haram. Walau bagaimanapun, setelah meneliti definisi zina yang diberikan dalam kitab-kitab turath, beberapa ulama' kontemporari seperti `Awdah (2005), Al-Masha`ili (2009), Al-Zuhayli (2007), dan Zaydan (2000) menegaskan bahawa keempat-empat mazhab membezakan antara jenayah zina dan rogol dengan elemen kerelaan. Malah, mereka memilih definisi zina oleh Al-Zaila'i sebagai takrif yang terbaik kerana memasukkan elemen kerelaan yang secara jelas menunjukkan perbuatan yang dilakukan tanpa paksaan (Azman Mohd Noor, 2005; Mohamad Ismail Mohamad Yunus, 2015; Shabbir, 2004).

Di Malaysia, jenayah zina adalah di bawah bidang kuasa agama negeri berpandukan kepada Akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa jenayah) 1984. Hukuman maksimum yang diperuntukkan adalah 3 tahun penjara, atau denda sebanyak RM5, 000, atau sebatan enam kali, atau gabungan mana-mana hukuman tersebut. Manakala, jenayah rogol pula adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan, di bawah Kanun Keseksaan, Akta 574, Seksyen 375 dan 376. Ia boleh dibahagikan kepada empat kategori rogol iaitu; rogol (umum),

rogol statutori, rogol berkumpulan dan rogol sumbang mahram. Rogol statutori di bawah seksyen 375 (g) bermaksud persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan seseorang perempuan yang berumur di bawah enam belas tahun sama ada dengan kerelaan perempuan itu ataupun tidak. Hukuman maksimum yang boleh dikenakan adalah penjara 20 tahun dan sebatan.

Sejarah peruntukan rogol statutori ini berasal dari Undang-undang Inggeris (*Common Law*) yang digubal bagi tujuan memberi perlindungan kepada gadis bawah umur daripada dipergunakan oleh lelaki dewasa, di samping untuk mencegah kehamilan yang tidak diinginkan. Ia adalah disebabkan situasi sosial semasa yang membimbangkan ketika itu bilamana ramai gadis terjebak dengan aktiviti seksual. Pada kurun ke-13, umur gadis yang boleh memberikan keizinan dalam persetubuhan adalah 12 tahun, kemudian diturunkan ke 10 tahun pada kurun ke-16. Seterusnya, ia dinaikkan semula secara beperingkat pada kurun ke-19 bagi memberi perlindungan yang lebih selamat setelah kempen yang diadakan oleh beberapa pihak termasuklah dari Pertubuhan Wanita Kristian (Cocca, 2004).

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan definisi rogol statutori yang diberikan dalam Kanun Keseksaan, elemen kerelaan seseorang perempuan itu dalam persetubuhan tidak diambil kira, sebaliknya faktor umur yang menjadi perkara asas utama. Undang-undang menyifatkan bahawa perempuan di bawah umur 16 tahun adalah tidak berupaya untuk memberikan keizinan dalam persetubuhan disebabkan mereka tidak memahami perlakuan dan kesan dari aktiviti seksual itu. Walau bagaimanapun, kajian Che Thalbi Md Ismail & Aspalella A. Rahman (2017) membuktikan bahawa realitinya, majoriti kes rogol statutori di Malaysia adalah kes 'suka sama suka' atau dengan kerelaan dan persetujuan bersama. Ini adalah berdasarkan kepada laporan dari Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-kanak, Polis Diraja Malaysia (PDRM). Fenomena yang sangat membimbangkan ini sering diperkatakan dalam kajian-kajian sosial semasa tentang kesan perlakuan seks bebas di kalangan remaja yang mengakibatkan kehamilan luar nikah dan pembuangan bayi (Haja Mydin Abdul Kuthoos, et al., 2016; Khairiyah Md. Shahid, Siti Hajar Abu Bakar AH, & Haris Abd Wahab, 2017; Noor Azlan Mohd. Nor & Bazlin Darina Ahmad Tajudin, 2014; Nor Jana Saim, Dufâker, & Ghazinour, 2014; Salasiah Hanin Hamjah, et al., 2012; Siti Rafiah Abd Hamid, et al., 2015; Wy, 2009).

Hakikatnya di dalam Islam, sekiranya sesuatu persetubuhan itu dilakukan secara sukarela tanpa ikatan perkahwinan, ia adalah jenayah zina yang sangat

berat kesalahannya seperti mana yang disebutkan di dalam al-Quran. Jenayah zina ini membawa kesan yang besar kepada pemeliharaan nasab keturunan (*hifz al-nasab*) yang menjadi salah satu daripada lima perkara asas (*daruriyat al-khams*) yang mesti dijaga di dalam Islam. Undang-undang rogol statutori di bawah Kanun Keseksaan ini telah mendatangkan kekeliruan kepada masyarakat terutamanya golongan remaja. Ini dapat dibuktikan berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Haja Mydin Abdul Kuthoos *dll.* (2016) di mana pesalah lelaki yang disabitkan hukuman dalam kes rogol statutori mempersoalkan tentang kategori kesalahan dan hukuman yang hanya dijatuhkan ke atas mereka. Ia menimbulkan persoalan dalam diri mereka dan tidak berpuas hati kerana perlakuan seks itu dilakukan secara sukarela dan persetujuan bersama dengan pihak perempuan. Perkara inilah yang menjadi polemik yang memerlukan kajian dari sudut syariah, seterusnya penjelasan oleh pihak berautoriti agama.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada permasalahan kajian di atas, maka, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji dan menganalisis isu-isu yang melibatkan kekeliruan antara jenayah zina dan undang-undang rogol statutori Malaysia. Kajian ini adalah penting agar permasalahan hukum jenayah zina dan perbezaannya dengan rogol itu jelas difahami terutamanya di kalangan generasi muda pada zaman kini. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi asas dan cadangan kepada pihak berautoriti agama untuk menjelaskan kepada orang ramai melalui medium fatwa tentang perbezaan antara jenayah zina dan undang-undang rogol statutori di Malaysia.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan (*content analysis*). Data dari kajian dikumpulkan dari buku-buku fiqh turath empat mazhab dan juga buku kontemporari bagi mendapatkan pemahaman sebenar berdasarkan pandangan ulama'. Selain itu, perundangan Malaysia yang berkaitan dengan jenayah rogol, iaitu Kanun Keseksaan, dan juga artikel-artikel yang berkaitan turut dikaji sebagai bahan utama. Data-data ini kemudiannya dianalisis secara tematik berpandukan kepada objektif kajian dengan bantuan perisian dari Atlas.ti sebagai pemudahcara.

5. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada analisis kajian, pengkaji mendapati bahawa terdapat tiga perkara yang menjadi kekeliruan antara jenayah zina dan undang-undang rogol statutori Malaysia. Perkara tersebut adalah seperti berikut;

5.1 *Pertama: Elemen Kerelaan dalam Persetubuhan*

Definisi rogol statutori yang diberikan dalam seksyen 375(g), Kanun Keseksaan adalah 'persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan seseorang perempuan yang berumur di bawah enam belas tahun sama ada dengan kerelaan ataupun tidak'. Berdasarkan definisi ini, elemen kerelaan tidak diambil kira dalam rogol statutori Malaysia. Sebaliknya, di dalam Islam, elemen kerelaan (*al-rida*) dalam persetubuhan merupakan perkara asas yang paling utama yang membezakan antara jenayah zina dan rogol. Definisi zina yang terbaik dalam menjelaskan maksud sebenar zina oleh Imam Al-Zaila'i (1990), telah menjadi asas panduan kepada para sarjana kontemporari. Beliau menegaskan elemen kerelaan dalam definisi zina yang diberikannya, iaitu; 'persetubuhan haram dengan perempuan hidup (bukan mayat) yang bukan dibawah pemilikannya (hamba) atau isterinya secara sukarela dan tanpa paksaan yang mana ia berlaku dalam negara Islam'.

Malah, para ulama' terdahulu seperti Ibn `Abidin (1992) dan Al-Sharbini (2005) menggunakan istilah 'paksaan' (*al-ikrāh*) apabila memaksudkan perbuatan rogol. Oleh sebab itu, ulama' kontemporari, `Awdah (2005), Al-Masha`ili (2009), Al-Zuhayli (2007) dan Zaydan (2000), menyimpulkan bahawa keempat-empat mazhab fiqh menyatakan persetubuhan haram di luar perkahwinan yang dilakukan dengan kerelaan dan persetujuan bersama adalah jenayah zina, dan bukannya rogol. Ini jelas menunjukkan bahawa elemen kerelaan adalah elemen utama dalam jenayah zina yang membezakannya dengan rogol.

5.2 *Kedua: Umur Persetujuan Perempuan dalam Persetubuhan*

Undang-undang menyifatkan bahawa perempuan di bawah umur 16 tahun adalah tidak berupaya memberikan keizinan dalam persetubuhan disebabkan mereka tidak memahami perlakuan dan kesan dari aktiviti seksual itu. Sedangkan di dalam Islam, meskipun tiada umur spesifik dalam memberikan keizinan kepada sesuatu persetubuhan, konsep baligh adalah digunapakai sebagai tanda permulaan kematangan seseorang dalam berfikir dan perilaku. Apabila seorang perempuan mula mengalami darah haid, ia adalah kayu ukur penentu baligh secara naturalnya, seterusnya ia

menunjukkan keupayaan untuk mengandungi dan juga melahirkan anak. Al-Nawawī (1990) menyatakan bahawa baligh bermaksud kelayakan seseorang itu untuk dipertanggungjawabkan dengan perintah dan larangan yang terdapat dalam syariat Islam. Ia bermakna seseorang yang sudah baligh hendaklah bersungguh-sungguh menunaikan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya kerana setiap perlakuannya akan dikira dan diperhitungkan dosa dan pahalanya.

Para ulama' sepakat bahawa umur minimum baligh bagi seorang perempuan adalah serendah sembilan tahun (Ibn Qudamah, 2009). Manakala, untuk umur maksimum terdapat tiga pandangan di kalangan ulama'. Ia bermakna sekiranya seseorang perempuan itu masih belum didatangi darah haid (kes kedatangan haid yang lambat), umur maksimum itu dijadikan asas perkiraan baligh. Pandangan pertama adalah umur 17 tahun oleh Imam Abu Hanifah (Ibn Nujaim, 1971; Al-Marghinani, t.t). Pandangan kedua adalah 18 tahun oleh sebahagian besar ulama' mazhab Maliki (Al-Hutab Al-Ru'aini, 1992). Manakala, pandangan ketiga pula adalah 15 tahun oleh Imam Shafi'i (Al-Shafi'i, 2002) dan ulama' mazhab Hanbali (Al-'Uthaimin, 2017).

Pandangan ulama' ini bertepatan dengan kajian yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bahawa anak perempuan di Malaysia telah mencapai baligh seawal umur 9 tahun dan paling lewat sekitar umur 13 tahun (The Star Online, 11 July 2010). Manakala, dapatan statistik remaja yang terlibat dalam kesalahan seksual juga adalah sekitar umur 13 tahun (Che Thalbi Md Ismail, 2017). Ini membuktikan bahawa seawal usia 13 tahun lagi, mereka sudah boleh memahami perlakuan seks (Ezarina Zakaria *dll.*, 2017; Haja Mydin Abdul Kuthoos *dll.*, 2016). Malah, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Pertubuhan Perancangan Keluarga Malaysia dalam satu tinjauan khas, 'Kajian Seksualiti Remaja', mendedahkan bahawa anak perempuan di Malaysia telah mula terlibat dalam perisetubuhan luar nikah serendah umur 9 ke 10 tahun (Wy, 2009). Oleh sebab itu juga, Che Thalbi bt Md. Ismail & Aspalella bt A. Rahman (2014) dan Anita Abdul Rahim (2012) menegaskan bahawa keupayaan remaja perempuan pada masa kini dalam memahami dan melakukan hubungan seksual sebelum umur 16 tahun tidak boleh dipertikaikan. Antara contoh kes rogol statutori yang dilakukan secara sukarela dan persetujuan bersama oleh pihak perempuan adalah kes Nor Afizal Azizan lwn Pendakwa Raya [2012] dan Pendakwa Raya lwn Muhamad Fikri bin Mahmood [2018]. Remaja perempuan pada hari ini adalah lebih matang berbanding dahulu. Maka, had umur 16 tahun yang diletakkan di dalam undang-undang rogol statutori di Malaysia telah menimbulkan kekeliruan dan tidak relevan lagi pada masa kini, serta tidak menepati konsep baligh di dalam Islam.

5.3 Ketiga: Hukuman yang dikenakan

Berdasarkan kepada seksyen 376, Kanun Keseksaan, hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah yang disabitkan dalam rogol statutori adalah penjara maksimum 20 tahun dan sebatan. Walau bagaimanapun, hanya pesalah lelaki sahaja yang akan dikenakan hukuman, meskipun ianya adalah persetubuhan yang dilakukan atas persetujuan dan kerelaan bersama. Sedangkan, di dalam Islam sekiranya sesuatu kesalahan zina, iaitu persetubuhan haram di luar perkahwinan itu dilakukan, hukumannya hendaklah dikenakan kepada kedua-dua pesalah, lelaki dan perempuan, seperti mana firman Allah di dalam al-Quran;

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ

Maksudnya: "Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah disebat tiap-tiap seorang dari keduanya dengan seratus kali sebatan"

(Surah Al-Nur: ayat 2)

Ayat ini menunjukkan bahawa sekiranya ia adalah persetubuhan yang dilakukan atas persetujuan bersama, maka ia adalah zina yang sepatutnya dikenakan hukuman ke atas kedua-dua pesalah. Maka, adalah tidak adil hanya pihak pesalah lelaki sahaja yang dikenakan hukuman dalam undang-undang rogol statutori sekiranya kesalahan persetubuhan haram itu dilakukan dengan kerelaan dan persetujuan bersama.

6. KESIMPULAN

Kesimpulannya, undang-undang rogol statutori Malaysia yang tidak mengambil kira elemen kerelaan dan hanya berpandukan kepada faktor umur telah menyebabkan kekeliruan dengan jenayah zina di dalam Islam. Pesalah lelaki dalam kes rogol statutori menjadi bingung dan merasa ketidakadilan atas hukuman yang dikenakan kerana perlakuan itu adalah atas kerelaan dan persetujuan bersama, sedangkan, pada masa yang sama, pesalah wanita seolah-olah dilepaskan begitu sahaja oleh undang-undang. Oleh yang demikian, dari sudut hukum, ia seharusnya dijelaskan oleh pihak berautoriti agama tentang hukum sebenar zina dan perbezaannya dengan rogol statutori. Ia adalah bertujuan untuk memberi kesedaran di kalangan masyarakat, seterusnya membendung jenayah zina yang terjadi dalam golongan remaja.

7. RUJUKAN

- 'Awdah, Abdul Qadir (2005). *Al- Tashri' al-Jina'i al-Islami, Muqararanan bi al-Qanun al-Wud'ie*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Bahuti, Mansur Yunus Idris (2000). *Kasyaf al-Qana'*. Beirut, Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.
- Al- Al-Hutab Al-Ru`aini, Muhammad bin Muhammad bin Abdul Rahman (1992). *Mawahib Al-Jalil*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Kasani, Abu Bakr Ma`ud (1997). *Bada'i al-Sanā'i*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Masyae'li, Muhammad Burhan (2009). *Al-Ightisab wa Al-Shuzuz baina Al-Shara' wa Al-Qanun*. Riyadh, Saudi Arabia: Maktabah Al-Qonun wa Al-Iqtisod.
- Al-Nawawī, Muhyiddin Yahya bin Sharaf (1990). *Sharh Muslim*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr Al-Arabi.
- Al-Sarkhasi, Muhammad bin Ahmad bin Abi Sahl Al-Shams (1993). *Al-Mabsut*. Beirut, Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syafi'e, Muhammad Idris (1996). *Al-Mustasfa*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Syarbini, Muhammad Ahmad Al-Khatib (2005). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Alfaz al-Minhaj*. Cairo, Egypt: Dar al-Nahdah al-Arabiah.
- Al-Zaila'ie, Uthman bin Ali bin Mahjan (1990). *Tabyin al-Haqaiq Sharh Kanz al-Daqaiq*. Cairo, Egypt: Dar al-Kutub al-Islami.
- Al-Zuhaily, Wahbah (2007). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Dimasq, Syria: Dar al-Fikr.
- Anita Abdul Rahim. (2012). *Jenayah Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Azman Mohd Noor. (2005). *Rape in Islamic Law: Problems of Classification and Adjudication*. The University of Edinburgh.

- Che Thalbi bt Md. Ismail, & Aspalella bt A. Rahman. (2014). Statutory Rape Law in Malaysia: The Issue of Consent. *Current Law Journal (CLJ)*, 1(LNS (A) lxxv), 1–15.
- Che Thalbi Md Ismail, A. A. R. (2017). Element of Consent in Statutory Rape Law: An Analysis Under the Malaysian Penal Code. *Man In India*, 97, 351–358.
- Cocca, C. (2004). Statutory Rape Laws in Historical Context. *Jailbait: The Politics of Statutory Rape Laws in the United States*, 9–28.
- Ezarina Zakaria, Nur Farrah Alya Zakaria, Norulhuda Sarnon, & Nor Jana Saim. (2017). Penerimaan Mangsa Rogol Statutori Terhadap Diri Sendiri Dan Pelaku Rogol: Satu Kajian Kes. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(3).
- Haja Mydin Abdul Kuthoos, Noraida Endut, Azman Azwan Azmawati, Intan Hashimah Mohd Hashim, & Nor Hafizah Selamat. (2016). Penerokaan Awal Terhadap Jenayah Seksual Dalam Kalangan Remaja Lelaki Di Malaysia : Satu Kajian Kes Terhadap Remaja Di Sebuah Pusat Pemulihan. In *3rd KANITA Postgraduate International Conference on Gender Studies* (pp. 188–200).
- Ibn 'Abidin, Muhammad Ali Muhammad al-Husni. (1992). *Radd al-Mukhtar a'lam al-Dar al-Mukhtar*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Ibn Rushd, Muhammad Ahmad Rushd Al-Qurtubi. (2004). *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Cairo, Egypt: Dar al-Ḥadīth.
- Ibn Qudamah, Abdullah Ahmad Muhammad. (2009). *Al-Mughni*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Khairiyah Md. Shahid, Siti Hajar Abu Bakar AH, & Haris Abd Wahab. (2017). Adolescents and Premarital Sex: Perspectives from Family Ecological Context. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 1, 157–165.
- Malik bin Anas, Al-Asbahi (1994). *Al-Mudawwanah*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Mohamad Ismail Mohamad Yunus. (2015). *The Central Issue in the Rape Trial*. Kuala Lumpur: International Islamic University of Malaysia (IIUM) Press.

Noor Azlan Mohd. Nor, & Bazlin Darina Ahmad Tajudin. (2014). Sustainable Development and Crime : Non-Statutory Rape Cases in Kuala Lumpur, Malaysia. *UNISEL Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 73–80.

Nor Jana Saim, Dufaker, M., & Ghazinour, M. (2014). Teenagers' Experiences of Pregnancy and the Parents' and Partners' Reactions: A Malaysian Perspective. *Journal of Family Violence*, 29(4), 465–472. <https://doi.org/10.1007/s10896-014-9595-4>

Salasiah Hanin Hamjah, Mohd Al-Adib Samuri, Rosmawati Mohamad Rasit, Fariza Md. Sham, Zuliza Mohd Kusrin, Zainab Ismail, N. K. B. (2012). Factors Relating to Premarital Pregnancy Amongst Muslim Adolescent in Malaysia. *Research Journal of Medical Sciences*, 6(6), 266–271.

Shabbir, M. (2004). *Outlines of Criminal Law and Justice in Islam*. Petaling Jaya, Malaysia: International Law Book Service.

Siti Rafiah Abd Hamid, Khamsiah Ismail, Supiah Saad, Muhd Burhan Ibrahim, & Norwati Mansur. (2015). Are the Malaysian Adolescents' Behavior At-Stake? *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(2), 328–346. <https://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n2s5p328>

Wy, L. (2009). Malaysian Youth Sexuality : Issues and Challenges. *Jurnal UM Medicine (JUMMEC)*, 12(1).

Zaidan, Abdul Karim. (2000). *Al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar`ah wa al-Bait al-Muslim*. Beirut, Lubnan: Resalah Publisher.

[Pendakwa Raya Lwn Muhamad Fikri Bin Mahmood \[2018\] MLJU 578](#)

[Nor Afizal Azizan V Pp \[2012\] 6 Mlj 171; \[2012\] Mlju 812; \[2012\] 6 Clj 370; \[2012\] 5 Amr 612](#)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.